

**DATE** : 09 FEBRUARY 2017  
**PUBLICATION** : UTUSAN SARAWAK  
**SECTION** : EKONOMI  
**HEADLINE** : TAWAR BARISAN PRODUK YANG LEBIH LUAS  
**CATEGORY** : COMPANY  
**MEASUREMENT** : 27CM<sup>2</sup>  
**STONE** : NEUTRAL  
**REMARKS** : NIL

Serba Dinamik mula didagangkan di pasaran utama pada premium 3 sen

## Tawar barisan produk yang lebih luas

**KUALA LUMPUR:** Serba Dinamik Holdings Bhd mula diniagangkan di Pasaran Utama Bursa Malaysia semalam pada RM1.53, dengan premium tiga sen daripada harga tawaran awam permulaan (IPO) pada RM1.50. Syarikat penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih itu, yang dijangkakan mengumpul hampir RM600 juta menerusi IPO yang melibatkan sehingga 491,000 saham diniagangkan pada pembukaan.

Terbitan awam sebanyak 26.7 juta saham itu terlebih langganan sebanyak 4.96 kali, dan terdapat 10,017 permohonan untuk 159.0 juta saham khas ini. Dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, syarikat itu berkata, daripada RM600 juta hasil, kira-kira RM407 juta akan masuk ke akaun syarikat manakala selebihnya akan digunakan untuk pengembangan kemudahan perniagaan dan operasi, pembayaran balik pinjaman manakala selebihnya untuk pemegang saham

sedie ada.

Ia berkata keuntungan sebelum cukai syarikat bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 Sept, 2016 sebanyak RM48.38 juta dan hasil berjumlah RM511.51 juta, didorong oleh operasi dan perniagaan penyelenggaraan, diikuti operasi kejuruteraan, pemeliharaan, pembinaan dan pengoperasian.

"Pendapatan kami sebahagian besarnya disumbangkan oleh operasi luar negara dengan operasi Timur Ten-

gah menyumbang 56.3 peratus daripada jumlah pendapatan kami bagi suku terbabit.

"Operasi di Malaysia kekal sebagai penyumbang terbesar kepada negara dengan 34.6 peratus daripada hasil dijana menerusi kontrak tempatan," katanya.

Pada 10.27 pagi semalam saham Serba Dinamik naik dua sen kepada RM1.52 dengan 40.14 juta saham diniagangkan.

Sementara itu, Pengarah Urusan/

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Dr Mohd Karim Abdullah berkata syarikat itu akan meningkatkan aktiviti perniagaan bagi menawarkan barisan produk dan perkhidmatan yang lebih luas kepada pelanggan, dalam dan di luar negara.

"Kami mempunyai strategi pertumbuhan perniagaan yang kukuh dengan memanfaatkan kompetensi teras dan operasi kami dalam industri penjanaan tenaga dan gas serta meluaskan model perniagaan pemilik aset," katanya

menerusi satu kenyataan hari ini. Beliau berkata peluasan dan penubuhan kemudahan akan meluaskan lagi kapasiti syarikat untuk menerima jumlah tempahan lebih tinggi dan akan memperkukuh keupayaan syarikat untuk memenuhi tempahan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Pada rehat tengah hari, harga saham meningkat empat sen kepada RM1.54 dengan 54.10 juta saham didagangkan. -- Bernama